



## PEMBERITAHUAN

### KAJIAN PENGGUNA JALUR LEBAR MUDAH ALIH 2013

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) akan menjalankan **Kajian Pengguna Jalur Lebar Mudah Alih 2013** untuk mengumpul data berkaitan dengan penggunaan Internet.

Usaha ini adalah sebahagian daripada penyelidikan SKMM berkaitan penggunaan Internet di Malaysia. Hasil kajian ini akan membantu penambahbaikan program Internet SKMM melalui peningkatan penggunaan jalur lebar.

Kajian ini akan dijalankan sepenuhnya melalui telefon dari Pusat CATI SKMM, Kuala Lumpur, bermula pada 18 Mei 2013 hingga 31 Julai 2013. Pungutan data akan dilakukan dari pukul 9:00 pagi hingga 4:45 petang pada setiap hari termasuk Sabtu dan Ahad, kecuali hari-hari kelepasan am Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Selangor. Penamatan dan/atau pelanjutan tempoh kajian akan diumumkan dalam laman sesawang SKMM: [www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my).

Harap maklum bahawa tujuan kajian ini adalah untuk pengumpulan data. Tiada wang akan dikutip mahupun sebarang jualan. Responden akan dipilih secara rawak oleh komputer berdasarkan nombor telefon. Penyertaan adalah secara sukarela; namun, kerjasama daripada orang ramai amat dihargai agar maklumat yang dikehendaki dapat diperolehi. Semua maklumat yang dikumpul akan disimpan sebagai sulit dan hanya akan digunakan untuk kiraan statistik di peringkat kebangsaan.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:  
**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Off Persiaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor  
**(U/p: Jabatan Statistik)**  
Tel: +603 8688 8457  
+603 2272 6666  
Faks: +603 8688 1050

[www.skmm.gov.my](http://www.skmm.gov.my)